

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
28 MAC 2013**

---

**1. NOTIS E CUKAI TAKSIRAN**

Saya ingin memaklumkan bahawa Notis E cukai taksiran akan mula diterima oleh pemilik premis yang masih belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran pada 26 Mac 2013. Pemilik premis diminta menjelaskan tunggakan cukai taksiran dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh notis tersebut. Ini bagi mengelakkan pemilik premis dikenakan waran tahanan dan sitaan harta alih yang akan bermula pada pertengahan bulan April 2013. Diharapkan pemilik premis yang masih belum menjelaskan tunggakan, hendaklah **SEGERA** membuat bayaran di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau secara online di laman web MPSP.

**2. PEMBUKAAN KAUNTER BAYARAN MPSP DI MEGAMALL PACIFIC**

Dimaklumkan Kaunter Bayaran, MPSP akan dibuka di Megamall Pacific iaitu di hadapan Restoran KFC (Ground Floor) di pusat membeli belah tersebut. Kaunter Bayaran tersebut akan beroperasi bermula 7 April 2013 pada setiap hari Ahad sahaja dan waktu operasi adalah dari jam 10.30 pagi sehingga 3.30 petang. Perkhidmatan ini adalah bagi memberi kemudahan kepada penduduk Seberang Perai khasnya dan

stakeholders amnya bagi membuat urusan bayaran cukai dan lain-lain bayaran perkhidmatan MPSP.

### **3. JABATAN LANDSKAP**

Jabatan Landskap MPSP telah mula ditubuhkan pada Januari 2013 dan akan mula beroperasi secara rasmi pada 1 April 2013. Jabatan Landskap ini akan bertanggungjawab ke atas projek kehijauan dan landskap di kawasan MPSP di samping memantau dan menyelenggara taman-taman permainan dan kawasan lapang serta alat-alat permainan. Jabatan ini ditubuhkan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu “Cleaner, Greener, Safer and Healthier Seberang Perai.

Sebarang pertanyaan dan maklumbalas berkaitan dengan landskap boleh menghubungi Encik Shaqhrony bin Md Yusoff di talian 04-5497636.

### **4. LAMAN WEB BARU MPSP**

Sukacita dimaklumkan selepas Mesyuarat Majlis Penuh ini akan diadakan perasmian Laman Web Baru MPSP. Laman web MPSP telah menerima anugerah lima bintang dalam penilaian MGPWA ( Malaysia Goverment Portal and Website Assessment) daripada MDec dengan markah 88% pada tahun 2011 dan 91% pada tahun 2012. Rekabentuk laman web baru ini lebih kemas dan padat dengan maklumat untuk rujukan pengunjung. Laman Web baru ini dibangunkan dengan

menggunakan 'Open Source Content Management System (CMS) JOOMLA' yang terkenal dan percuma. CMS JOOMLA versi baru ini memberi lebih jaminan keselamatan terhadap laman web baru. Laman web baru ini Mesra OKU dimana pengunjung boleh mengubah saiz teks dan warna template. Pengunjung juga boleh membuat pilihan 9 bahasa lain iaitu Bahasa Arab, Cina (Ringkas), Cina (Tradisional), Itali, Jepun, Korea, Tamil, Thai dan Vietnam selain Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Soalan lazim baru boleh dihantar semula oleh pengunjung sekiranya soalan berkenaan tidak disenaraikan. Kalender aktiviti lebih tersusun dengan maklumat aktiviti terkini dipamerkan majlis untuk 7 hari terdekat. Pengunjung boleh menggunakan "RSS feed" untuk mendapatkan aktiviti terkini pada bila-bila masa. Pengunjung juga boleh menggunakan telefon pintar untuk melayari laman web dengan "QR Code". Versi baru ini dipertingkat ciri-ciri keselamatan daripada ancaman hackers.

## **5. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada hari Ahad, 7 April 2013 dan juga di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan pada hari Ahad, 21 April 2013. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi bagi kedua-dua lokasi.

## **6. LARIAN MENARA MPSP 2013**

Pada 28 April 2013 (Ahad) akan diadakan Larian Menara MPSP 2013, di bangunan MPSP, Bandar Perda. Program tersebut bermula jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Jarak larian adalah sejauh 4.65 kilometer + 398 anak tangga hingga ke tingkat 16. 100 peserta pertama yang berjaya menamatkan larian akan mendapat pingat dan sijil penamatan larian. Peserta juga berpeluang untuk mendapat cabutan bertuah. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 April 2013. Tuan/puan adalah dijemput untuk hadir bagi memeriahkan lagi program tersebut.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**